

TAWARAN SKIM BIASISWA YAYASAN SARAWAK

TUNKU ABDUL RAHMAN

Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang layak untuk memohon skim tersebut di atas untuk mengikuti pengajian di peringkat **IJAZAH** (Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara) dan **IJAZAH LANJUTAN** (Institusi Pengajian Tinggi Dalam dan Luar Negara) secara **SEPENUH MASA** dalam bidang kursus yang disenaraikan seperti berikut:-

KURSUS-KURSUS YANG DIPERUNTUKKAN

- 1. Akuakultur**
- 2. Biokimia**
- 3. Bioteknologi**
- 4. Botani/Zoologi**
- 5. E-Commerce**
- 6. Genetik**
- 7. Geonomics/Proteomics**
- 8. Kejuruteraan Mekatronik**
- 9. Kimia**
- 10. Mikrobiologi**
- 11. Perakaunan (Professional)**
- 12. Perhutanan**
- 13. Perikanan**
- 14. Sains Sukan**
- 15. Seni Persembahan**
- 16. Ukur Bahan**
- 17. Ukur Tanah/Penilaian**

2. KELAYAKAN PERMOHONAN:

- a) Kursus-kursus yang diikuti hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- b) Urusan kemasukan ke Universiti / Institusi hendaklah dibuat oleh pelajar sendiri.
- c) **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan akan diberi kepada mereka yang bermastautin di Sarawak.
- d) Permohon hendaklah **MEMILIKI SIFAT-SIFAT KEPIMPINAN YANG TINGGI, AKTIF DALAM KEGIATAN BERPERSATUAN DAN PERTUBUHAN DAN MEMPUNYAI PENCAPAIAN AKADEMIK YANG CEMERLANG** seperti berikut:
 - i. Bagi pelajar yang akan/sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama hendaklah memiliki kelayakan berikut:
 - a) Memperolehi sekurang-kurangnya Gred B pada setiap mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, atau
 - b) Memperolehi sekurang-kurangnya CGPA/PGNK 3.00 dan ke atas bagi lulusan Sijil/Diploma/Matrikulasi.

- ii. Bagi pelajar/pegawai yang akan/sedang mengikuti ijazah lanjutan:
 - a) Memperolehi sekurang-kurangnya ijazah kelas kedua atas atau CGPA/PNGK 3.00 dan ke atas bagi pelajar/pegawai mengikuti pengajian peringkat sarjana, dan
 - b) Memperolehi ijazah sarjana dengan CGPA/PGNK 3.00 dan ke atas bagi pelajar/pegawai mengikuti pengajian doctor falsafah.

3. Borang Permohonan

Borang permohonan untuk skim tersebut di atas boleh didapati daripada Pejabat Yayasan Sarawak, Tingkat 9, Bangunan Satok, 93400 Kuching; Pusat Sumber Pendidikan Yayasan Sarawak, Tingkat 1, Bangunan Yayasan Sarawak, Jalan Masjid, Kuching; Pejabat Residen seluruh Sarawak (kecuali Kuching); Pejabat Yayasan Sarawak Cawangan Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Stonor, Off Jalan Conlay, Kuala Lumpur dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan **dengan membawa bersama salinan surat tawaran kemasukan bagi kursus-kursus di atas.** Borang permohonan tidak akan dikeluarkan jika pelajar gagal mengemukakan surat tawaran kursus yang ditawarkan. Borang permohonan juga boleh didapati dalam laman web <http://www.yayasan.org.my>. Pemohon yang ingin mendapatkan borang berkenaan secara pos hendaklah menyertakan sampul surat beralamat sendiri bersaiz 24cm x 34cm dengan setem RM1.00 ditampal pada bahagian kanan sampul surat tersebut dengan mengemukakan salinan surat tawaran kemasukan ke kursus berkenaan.

4. KADAR BIASISWA

Kadar biasiswa merangkumi :

- i. Elaun Sara Hidup Bulanan
- ii. Yuran Pengajian
- iii. Tiket Penerbangan (kelas ekonomi)
- iv. Elaun tesis dan lain-lain.

5. DOKUMEN-DOKUMEN

Borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap dan sempurna berserta satu salinan sijil-sijil peperiksaan, salinan surat tawaran kemasukan ke Universiti / Institusi, salinan dokumen-dokumen akademik, salinan sijil kelahiran dan sijil-sijil yang berkaitan **yang telah disahkan** mestilah sampai ke alamat seperti di bawah sebelum atau pada tarikh tutup yang telah ditetapkan.

Yayasan Sarawak.
Skim Pinjaman Pelajaran Tabung Pendidikan
Tinggi Sarawak (HiED)
D/A Pusat Pembangunan Pendidikan Yayasan Sarawak
Lot 4784 Blok 14 salak Land District
Jalan sultan Tengah Semariang
93050 Kuching.

Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing siapa yang akan menghantar permohonan tersebut kepada Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat berikut:-

6. TARIKH TUTUP

TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH PADA, 31 JULAI